

13/08/2004

PM buka lembaran baru hubungan KL-Canberra

KUALA LUMPUR: Sebuah akhbar Australia menyifatkan kenyataan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa negara itu adalah `sahabat' kepada Malaysia dan Asean, membuka lembaran baru dalam hubungan dengan Canberra.

Akhbar The Australian berpendapat kenyataan itu adalah `tanda pertama secara rasmi paling bermakna ke arah memecah kebuntuan dalam hubungan yang sering dingin'.

Dalam temubual dengan koresponden Asia Tenggara akhbar itu, Kimina Lyall, Perdana Menteri berkata hubungan kedua-dua negara sebelum ini menghadapi `politik yang sukar' tetapi ia boleh diatasi.

"Saya akan melihatnya begini, asas hubungan masih kukuh. Kita hanya menghadapi sekali-sekala masalah pada peringkat politik, itu saja," katanya dalam temubual selepas berucap di satu jamuan malam dihadiri tokoh-tokoh perniagaan dan pemimpin kerajaan Australia dan Asia di Kuala Lumpur.

Ia adalah temubual pertama Abdullah dengan seorang wartawan Australia sejak menjadi Perdana Menteri Oktober lalu.

Ditanya sama ada beliau masih menganggap Malaysia dan Australia menghadapi perbezaan politik, Abdullah berkata: "Mungkin ya, mungkin tidak, sejak kebelakangan ini," yang menurut akhbar itu, mungkin merujuk kepada hubungan dingin ketika pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum ini.

Hubungan Kuala Lumpur-Canberra renggang pada 1993 apabila Perdana Menteri Australia, Paul Keating menuduh Dr Mahathir sebagai `keras kepala' (recalcitrant) kerana keengganannya menghadiri Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Seattle pada tahun itu.

Merujuk ancaman Perdana Menteri Australia, John Howard tahun lalu untuk melancarkan serangan pintas di Asia bagi menghalang serangan penganas, Abdullah berkata, ulasan seperti itu tidak diterima baik di rantau Asia.

Bagaimanapun, katanya: "Australia memanglah sahabat kami."

Akhbar itu memetik pegawai berkata, satu cadangan untuk meneruskan usaha menjalin perjanjian perdagangan bebas antara rantau ini dengan Australia dan New Zealand sudah pun dipersetujui.

Menurut akhbar itu, hubungan yang bertambah baik itu adalah ekoran pengunduran Dr Mahathir kerana `beliau penentang kuat hubungan rapat (Asean) dengan Canberra'.

Ia melaporkan, dalam satu ucapan tanpa teks pada jamuan malam Selasa lalu kepada pemimpin berkenaan yang berada di Malaysia selama tiga hari untuk `bercakap' mengenai hubungan Australia-Asia, Abdullah menggunakan perkataan `sahabat' sebanyak tujuh kali dalam masa tujuh minit.

Abdullah, yang tidak pernah menemui Howard sejak beliau menggantikan Dr Mahathir, telah bersetuju menerima undangan melawat Australia. Ini adalah lawatan rasmi pertama oleh seorang ketua kerajaan Malaysia sejak 1984.

Katanya, beliau memang menanti-nantikan pertemuan itu, yang mungkin diadakan selepas pilihan raya Australia penghujung tahun ini.

(END)